06/07/2002

Puteri tidak tunduk ugutan

ALOR STAR, Jumaat - Ahli Puteri Umno tidak akan tunduk kepada ugutan, ancaman dan sikap keterlaluan penyokong Pas yang mencuba menghalangnya melaksanakan pelbagai aktiviti.

Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman, berkata hasil perbincangan dengan ahli Puteri mendapati mereka kesal dan kecewa sikap fanatik penyokong parti pembangkang itu.

"Malah ramai ahli mempersoal kewibawaan penyokong Pas yang dianggap hanya berpura-pura di sebalik pakaian dan imej bercirikan Islam.

"Bagaimanapun, kekacauan dan huru-hara yang ditimbulkan penyokong pembangkang tidak akan mematahkan semangat Puteri untuk berjuang," katanya pada majlis penyerahan anak angkat Puteri Umno, di Alor Madi di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Penaja Puteri negeri, Suraya Yaakob.

Seramai 24 ahli Puteri Umno Bahagian Kuala Kedah, diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing selama lima hari bagi mendekatkan mereka dengan masyarakat.

Ketika ditanya sama ada program anak angkat dihentikan berikutan ancaman berkenaan, beliau berkata, ia akan tetap diteruskan.

"Ancaman dan ugutan itu bertujuan mematahkan semangat ahli Puteri untuk membantu jentera pilihan raya, tetapi ia tidak akan dijadikan alasan untuk Puteri berundur.

"Sebaliknya, Puteri akan berusaha kuat memastikan DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang berjaya dirampas daripada pembangkang seterusnya menghadiahkan kemenangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed," katanya.

Sementara itu, Suraya berkata, Puteri Umno Kedah melancarkan kempen Puteri menentang sumbang mahram menerusi penjelasan di Tapak Pasar Malam Sungai Baru, dekat Kuala Kedah.